



IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

(KEUTAMAAN KEPADA ANAK NEGERI SEMBILAN)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

BIL.	NAMA JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	Penolong Pegawai Senibina Gred JA36 [Tetap]	1	RM3,225.00	RM7,438.00	RM180.00
2.	Penolong Jurutera (Elektrik) Gred JA29 [Kontrak]	1	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00
3.	Pembantu Kemahiran (Elektrik) Gred H19 [Kontrak]	1	RM1,377.00	RM4,052.00	RM100.00

* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

A. SYARAT LANTIKAN:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

B. KELAYAKAN KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA36:

1. PEN. PEGAWAI SENI BINA GRED JA36 (TETAP)

[1 KEKOSONGAN]

Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29/30 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA36 yang kosong apabila telah:

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) Diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

C. KELAYAKAN LANTIKAN:

1. PEN. JURUTERA (ELEKTRIK) GRED JA29 (KONTRAK)

[1 KEKOSONGAN]

- (i) Memiliki Sijil dalam Bidang Kejuruteraan (Elektrik) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00);
atau

- (ii) Memiliki Diploma dalam Bidang Kejuruteraan (Elektrik) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,935.02)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**2. PEMBANTU KEMAHIRAN (ELEKTRIK) GRED H19 (KONTRAK)]
- [1 KEKOSONGAN]**

- (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,377.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24).
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24).

Keutamaan: Pemohon yang memenuhi syarat (iii) dan (v)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. CARA MEMOHON

- (i) Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web rasmi MPPD www.mppd.gov.my.
- (ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas)/Penghulu/Pengerusi JKKK.

- (iii)
 - a. Gambar warna ukuran pasport;
 - b. My Kad/Kad Pengenalan;
 - c. Sijil kelahiran (surat beranak);
 - d. Sijil berhenti sekolah;
 - e. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - f. Sijil dan Diploma yang berkaitan.
- (iv) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Prestasi Tahun 2017**.
- (v) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
Km 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson.
(u.p.: Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 21 SEPTEMBER 2018

F. PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK SEKIRANYA:

- (i) Borang permohonan tidak lengkap atau tidak bergambar;
- (ii) Tidak memenuhi syarat iklan; dan
- (iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah dan tidak ditandatangani.

G. PERHATIAN

- (i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. (Tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson)
- (iii) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.

